

Musa Mahu Wakil Rakyat BN Kerap Turun Padang Temui Rakyat Sempena Ramadan
Bernama
20 Julai, 2013

KOTA KINABALU, 20 Julai (Bernama) -- Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Musa Aman mahu wakil rakyat Barisan Nasional (BN) mengambil keberkatan bulan Ramadan dengan lebih kerap turun padang bertemu rakyat bagi membantu menyelesaikan masalah mereka.

Beliau berkata mereka perlu menunaikan tanggungjawab mengikut mandat yang diberikan rakyat pada pilihan raya umum ke-13 Mei lepas.

"Sempena bulan Ramadan yang mulia ini, saya minta wakil rakyat rajin turun padang bertemu rakyat yang telah memilih mereka...berterima kasih kepada mereka," katanya ketika berucap pada majlis berbuka puasa bersama anggota Umno Sabah di Bangunan Umno negeri di sini, malam tadi.

Musa yang juga pengerusi BN negeri berkata kepercayaan yang diberikan rakyat dengan memilih wakil BN harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin termasuk berusaha membantu mengatasi masalah mereka.

Beliau turut melahirkan penghargaan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak yang mengiktiraf dan melantik enam menteri dari Sabah dalam Kabinet persekutuan yang menunjukkan satu pencapaian baik.

Beliau berkata majlis berbuka puasa menjadi tradisi Umno Sabah yang dapat mengeratkan lagi hubungan kerjasama antara pemimpin parti dengan anggota akar umbi.

Pada majlis itu, Musa menyampaikan sumbangan duit raya kepada tujuh pusat kebajikan dan rumah anak yatim, antaranya Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Putatan, Rumah Anak Yatim As-Sakinah Kinarut, Papar, Rumah Anak Yatim Al-Aman, Beaufort, Madrasah Yatama Yacob Khan, Membakut dan Rumah Anak Yatim Darul Bakti, Kota Belud.

Pengerusi Lembaga Tabung Haji Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim yang mewakili Perdana Menteri menyampaikan sumbangan air Zam-Zam, kurma dan 30,600 helai jubah kepada 900 masjid di seluruh negeri.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=964792>